

UMS Raih 10 Pingat di Malaysia Technology Expo 2018

Terakhir dikemaskini: Khamis, 08 Mac 2018 18:19 | [Cetak](#) | Jumlah paparan: 234

Kongsi 0

Syorkan 0

Kongsi

Tweet

Share



KHAMIS, 8 MAC - Universiti Malaysia Sabah (UMS) berjaya meraih 10 pingat pada penganjuran Malaysia Technology Expo (MTE) yang berlangsung baru-baru ini di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur.

Pingat Emas UMS disumbangkan oleh Dr. Jidon Adrian Janaun dari Fakulti Kejuruteraan melalui inovasi bertajuk, "*A Novel Continuous Residual Oil Extractor: Field Trial Assessments*".

Lebih membanggakan, daripada 10 penyertaan yang dihantar di bawah kategori 'Invention and Innovation Awards', empat daripadanya meraih pingat Perak dan lima lagi pingat Gangsa.

Pingat Perak UMS disumbangkan oleh Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Profesor Dr. Ismail Ali (*Mobile Suspended Artificial Reef for Artisanal Fishermen*); Prof. Madya Dr. Coswald Stephen Sipaut (*Development of New Formulated Urethane Based Denim Dye Fixing Agent for Denim Finishing Application*) dan Prof. Madya Dr. Patricia Clementina Matanjun (*SPoly: Healthy Seaweed-Enriched Bread*).

Manakala empat pingat Gangsa pula disumbang oleh Dr. Takashi Kamada (*Eco Dyed: Green Forest and Blue Ocean, A new approach to determine the compound with A/B trans and cis conformation and their anti-cancer properties*); Prof. Madya Dr. Patricia Clementina Matanjun (*KappaA: Seaweed Extract with Antioxidant and Anticancer Properties*); dan Dr. Fiffy Hanisdah Saikim (*The Organic Mulberry Tea: An Indigenous Community Tea Product Made from Underutilized Part of Mulberry Plant, Morus Dryer as a New Revolution in Mulberry Leaves Tea Making in Kg. Tudan*).

Penganjuran MTE pada tahun ini membawa tema *Asia's Inventions and Innovations Marketplace* berjaya memberi penekanan yang kuat terhadap pengkomersialan serta menggalakkan inovasi dalam bidang sains dan teknologi.

MTE 2018 yang juga merupakan anjuran bersama Malaysia Association of Research Scientist (MARS) dan PROTEMP Group itu bukan sahaja mempamerkan hasil inovasi daripada institusi pengajian tinggi, malah terdapat juga penyertaan daripada pihak sekolah, persatuan penyelidik individu dan syarikat korporat.